

06 NOV 1999

Kongres-Penghargaan

PENGHARGAAN KHAS KEPADA DR MAHATHIR

KOTA BAHARU, 6 Nov (Bernama) -- Kongres Ekonomi Kelantan Menjelang Alaf Baru petang ini sebulat suara meluluskan resolusi khas merakamkan penghargaan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana keprihatinannya terhadap rakyat negeri ini.

Resolusi yang dibacakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Ibrahim Ali selaku pengerusi kongres itu merakamkan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada kerajaan persekutuan pimpinan Dr Mahathir kerana prihatin untuk membela nasib rakyat Kelantan yang tertinggal jauh di belakang dalam arus perdana pembangunan negara.

"Sesungguhnya rakyat Kelantan terhutang budi kepada kerajaan persekutuan, tanpa keprihatinan, keikhlasan dan kesungguhan perdana menteri tidak mungkin rakyat Kelantan menikmati kesejahteraan," menurut resolusi yang dibacakan oleh beliau.

Menurutnya, rakyat Kelantan dan peserta kongres amat kagum dengan wawasan Dr Mahathir dalam memimpin rakyat dan negara sehingga terus membawa nama Malaysia ke mercu kegemilangan persada dunia.

Semangat Jati Diri dan Malaysia Boleh yang digerakkan oleh perdana menteri telah mengangkat martabat bangsa, katanya.

Beliau berkata sesungguhnya Formula Malaysia di bawah pimpinan Dr Mahathir telah membawa rakyat berbilang bangsa hidup aman damai serta bersatu teguh menuju ke alaf baru dengan penuh yakin.

Katanya peserta kongres turut berdoa supaya Dr Mahathir dan keluarga diberi kekuatan dan kesihatan agar terus memimpin rakyat dan negara, bersabar menghadapi segala fitnah dan cabaran.

"Allah tetap bersama yang benar lagi adil," katanya.

Ibrahim berkata, resolusi khas itu akan dihantar melalui faks ke Putrajaya petang ini.

Kira-kira 800 peserta yang terdiri daripada tokoh akademik, pemimpin politik, tokoh agama, ahli korporat dan pemimpin pertubuhan bukan kerajaan menghadiri kongres sehari anjuran Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (JPPK) dan Kelantan Research Institute Of Strategic Studies (KRISS).

--BERNAMA

SM/MNR/BD RHM